

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS
PERJUMPAAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN & AGENSI
BERSAMA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM, PERDANA
MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
Venue : DEWAN UTAMA KOMPLEKS
KEMENTERIAN KEWANGAN
Date : 20/08/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

**MAJLIS PERJUMPAAN WARGA KEMENTERIAN KEWANGAN &
AGENSI BERSAMA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM,
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN**

20 OGOS 2025 (RABU) | 8.00 PAGI

DEWAN UTAMA

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah rabbil 'alamin,

Nahmaduhu wa nusalli 'ala Rasoolihil Kareem,

Wa 'ala alihi waasahbihi ajma'in.

YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan,

Menteri Kewangan II;

Saudari YB Puan Lim Hui Ying,

Timbalan Menteri Kewangan;

Saudara YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican,

Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan

Rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Hari Isnin yang lalu semasa di Perhimpunan JPM, saya lontarkan satu pandangan tentang apa yang disebut 'Productivity Paradox'. Saya baca mulanya laporan dari United Nations University Tokyo, rencana, kemudian saya dapatkan laporan McKinsey. Saya tak baca panjang, saya baca rumusannya sekitar 36 halaman.
2. Satu hal yang harus memprihatinkan, iaitu peruntukan dan belanja besar untuk transformasi digital dan artificial intelligence, tidak semestinya mengakibatkan dan menghasilkan produktiviti yang tinggi. Itu disebut 'Productivity Paradox'. New technology, computerization earlier, now digitalization and AI, does not necessarily bring that outcome in terms of increase productivity. Jadi untuk AI tersebut 'Gen AI Productivity Paradox'.
3. Yang ini menyebabkan kita, saya minta KSN dengan semua KP, KSU adakan perbincangan dan teliti semula. Kita pernah dulu tahun awal 90-an bila perkenalkan komputer di jabatan-jabatan, kita popularkan istilah paper less atau paperless, tetapi akibatnya di sesetengah jabatan paper more. Jadi dana yang diperuntukkan itu tidak semestinya memberikan hasil yang sedemikian, jadi dia beri beberapa kajian sehingga JP Morgan umpamanya melarang kebergantungan pegawainya kepada ChatGPT di pejabat dia. Itu soal yang lain ya kerana saya sebut di perhimpunan itu juga

kebergantungan mutlak tanpa menggunakan kepintaran manusiawi, kadang-kadang merugikan atau mungkin menyesatkan.

4. British Muslim Council umpamanya guna ChatGPT untuk menyatakan ayat Quran yang sesuai dengan majlis yang hendak diadakan. Jadi dia ChatGPT apa ayat ini, ayat pun keluar, dia tengok oh betul, okay alright good, sebar. Rupanya bukan ayat Quran, itu hanya cantuman beberapa kenyataan yang nampak Quranik tapi salah. Itu betul-betul mengaibkan persatuan itu.
5. Itu kelemahannya apa? kita harus bergantung tetapi tidak bergantung sepenuhnya. Itu yang satu hal yang lain. Kita bercakap soal connectivity, soal kesenjangan. Maknanya ada perkenalkan teknologi baharu, tetapi akibat gap lebih besar. Maknanya, penguasaannya oleh golongan kaya, jadi golongan miskin dan terpinggir itu terbiar. Itu semua isu-isu yang dibincangkan.
6. Tetapi yang terkait dengan 'Productivity Paradox' iaitu 'Gen AI Productivity Paradox' ini ialah kajian yang menunjukkan, dengan belanja dan dana yang besar, tidak memberikan hasil dari segi produktiviti. Dia beri beberapa kajian. Dan kalau saya boleh singkap pengalaman lama, bila kita perkenalkan yang saya sebut privatization.
7. Kemudian computerisation 90-an, ada karya penting dari Peter Drucker, 'Culture of Contentment'. Di mana dia sebut, andaian kita tidak semestinya tepat, umpamanya, "you privatize the mantra of

Reagan-Reaganomics.” Ataupun Thatcher di UK itu mantera dia apa? Privatize for efficiency, prioritize to lessen the burden of the government. Itu mantera itu semua diterima, tapi boleh dilihat, tetapi kata Peter Drucker tidak semestinya.

8. Penswastaan itu ada dua aspek: satu ialah andaian, kadang-kadang tepat, kadang-kadang meleset, dibandingkan beberapa agensi yang dikendalikan oleh jabatan Kerajaan kadang-kadang lebih efisien, lebih kurang menekan daripada swasta. Ada ketika di mana swasta lebih berjaya. Pengalaman kita tidak semestinya. PLUS, MAS, penswastaan itu meranapkan dan membebankan kewangan negara kerana tidak dilaksanakan secara telus.
9. Kalau saya boleh panjangkan, kalau saudara tidak ikuti, lebih kepada ceramah, ataupun pandangan saya semasa Perhimpunan JPM hari Isnin, saya sebut tentang political scientist, political economist, Mancur Olson. Johan tidak baca itu, pasal dia ni left sikit, Johan dia right Kementerian Kewangan selalunya right (nada berseloroh). Jadi saya ambil ini Mancur Olson, very renowned economist. Tapi kalau Kastam tidak pakai yang itu.
10. Jadi dia kata dalam buku dia, dia kata, antara lain, bahaya privatization kalau tidak diurus dengan baik dan tidak dijalankan dengan parameter governance yang jelas, itu akan menyebabkan beban kepada rakyat lebih. Dia beri contoh, umpamanya privatization kalau zaman purbakala, zaman-zaman dahulu kala, kalau sama ada raja-raja ataupun penguasa daerah, dia juga kadang-kadang merompak. Setiap tahun akan pergi menggeledah satu kawasan,

kutip cukai hasil, ternakan, tanaman rakyat, kemudian dibawa balik untuk membesarkan gedung-gedung mereka, istana mereka dan lain-lain. Setahun sekali, maknanya dia pergi daerah lain.

11. Tapi kalau privatization itu tidak dikendali secara teratur, rompakkan itu terus-menerus setiap minit, elektrik ke, telekom ke, air ke, jadi dia sebut bahaya kalau kita guna mantera tanpa teliti secara kritis dan hasilnya. Itu Mancur Olson tentang privatization. Ayah YB Timbalan Menteri Kit Siang dia sebut “pirate-tization.”
12. Baik, jadi ingat ya, pengalaman itu sepertimana juga kita lihat, umpamanya apa yang Peter Drucker sebut tentang andaian umum itu tidak semestinya tepat. Jadi kita harus daripada awal bila kita lakukan anjakan, kita harus menilai dan kritis.
13. Inilah sebabnya maka kita tengok sebab berapa tahun ini seluruh pembelanjaan untuk digitalization, digital transformation, Kementerian Digital yang baru, komunikasi dengan Telekom, itu sudah mencecah puluhan bilion ringgit.

Jadi harus ada kesediaan rakan-rakan untuk menilai apakah dengan dana peruntukan begitu besar, hasilnya juga akan lebih dari segi kecekapan, keadilan dan juga kesedaran, pencerahan tentang teknologi baharu. Ini semua harus diteliti.

14. Jadi saya dah edarkan laporan itu kepada ahli-ahli Jemaah Menteri semalam. Harap dah baca ya. Baik, nanti saya akan tanya rakan-rakan Jemaah Menteri saya hari Jumaat mesyuarat Jemaah Menteri. Selingan sikit.

15. Saya kenal baik Profesor Ismail Faruqi itu, seorang profesor terkenal yang menjadi Pengerusi International Institute Islamic Thought. Saya masih muda, yang termuda dalam Lembaga. Dia baik, jadi saya kenal dia semasa saya ABIM, saya jadi menteri. Kemudian ada mesyuarat Board IIIT – Institute of Islamic Thought di DC. Dua (2) minggu sebelum itu dia di sini. Dia kata ‘Anwar, you know there’s a new book by... this Muslim society...’. Tak apa saya tak ingat, sociologist, Muslim society. Critical account of Khaldunian, theory of social change, the study of some phenomenon change among North African Muslim societies, dia kata. Saya kata okey, okey. I hope you can read before I meet you next. Maknanya dua (2) minggu lagi. Saya pun sibuk, sibuk, sibuk masa itu Menteri Pendidikan. Saya baru teringat, dapat buku itu dan sepanjang perjalanan 24 jam daripada Kuala Lumpur ke Washington DC, saya cuba habiskan. Dan pagi pagi esok itu breakfast, dia tanya bagaimana pandangan saudara buku? Kalau you tak baca, you kata buku tu bagus. Tapi dia kata tentang chapter, Bab 2 yang sentuh tentang Khaldun, do you agree? Ha, jem kita kalau tak baca. Jadi, hari Jumaat saya nak tanya menteri macam tu juga. Baik.

16. Semalam di PMQT ada persoalan tentang kedudukan kaum India kerana sekarang ada keresahan dalam masyarakat India seolah-olah kita pinggirkan. Mungkin kerana kita tak sampaikan, bukan masalah rasa kecewa di kalangan sebahagian masyarakat India, tapi mungkin

pimpinan masyarakat India ini hanya ceritakan yang belum dapat dia dah cerita. Jadi saya gunakan ruang itu menyatakan bahawa pendekatan Ekonomi MADANI menyeluruh. Kalau untuk program Bumiputera PuTERA35 itu jauh lebih bermakna berkesan. Target-nya kemiskinan tegar, golongan miskin, keusahawanan, perumahan, tanah macam Sungai Besi yang dulu terserah kepada asing, kita ambil balik semuanya dan kita pastikan penyertaan bumiputera yang substantif di situ, termasuk reserve

17. Rizab Melayu pertama kali sejak tahun 1957, sebelum merdeka itulah rizab Melayu 50 ekar. Itu yang kita lakukan kerana orang Melayu majoriti 60% dan majoriti daripada Melayu itu miskin. Masyarakat Cina yang kata tentang masyarakat Cina, kalau saudara lihat Skim Pinjaman Perumahan mereka pun dapat, tetapi yang besarnya ialah SJPP (Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan). Bukan kerana kita pilih dia sebab masyarakat Cina, tetapi kebetulan dalam SME ini yang menguasai, yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara adalah masyarakat, syarikat-syarikat Cina.

18. Jadi, saya nak jelaskan ini supaya jangan ada salah faham, kita fikir Melayu sahaja, atau pun India sahaja, atau Cina sahaja, Sarawak sahaja, untuk Sabah sahaja, jadi kita cuba dekati. Umpamanya dalam SJPP ini, komuniti perniagaan Cina memanfaatkan SJPP hampir RM4 bilion ringgit, kerana seluruh pinjaman itu dari seluruh pinjaman, 75% jaminan pembiayaan oleh Kerajaan itu adalah kepada masyarakat Cina. Sekali lagi saya tegaskan, kerana mereka memberi sumbangan penting dalam penjanaaan pertumbuhan ekonomi negara.

19. Kemudian masyarakat India, masyarakat India itu dihebahkan MITRA. MITRA ini kecil, MITRA ini RM100 juta setahun. MITRA bukan jawapan bagi kemiskinan keusahawanan masyarakat India, ini menampung apa-apa lompong yang ada dalam pelaksanaan Kerajaan sekarang. Saya bagi contoh, untuk Skim Jaminan Kredit Perumahan, masyarakat India tahun 2024 dapat RM1.22 bilion ringgit, tapi dia tak sebut itu untuk masyarakat India, dia kata ini Skim Jaminan Kredit Perumahan. Berapa untuk masyarakat India? RM1.2 bilion ringgit.

20. Kemudian sebut tentang STR, untuk tahun 2022, STR mula kita kenalkan RM578 juta ringgit yang menyentuh hanya masyarakat India. Untuk 2025, hampir satu bilion ringgit, RM972 juta. Apakah cukup? Tak cukup. Melayu majoriti miskin, penduduknya 60%, jumlah dapatnya itu RM7.127 bilion, yang India satu billion, kerana memenuhi kriteria itu. Kalau miskin tegar majoriti Melayu, tapi yang kategori paling miskin dari miskin itu India, jadi kita harus tangani ini bukan kerana dia India, kerana dia masuk kategori miskin tegar ini pendekatan kita.

21. Saya jelaskan ini dan beberapa angka ini saya baca semalam di Parlimen untuk menjelaskan, termasuk pendidikan dari MITRA itu sekitar 20 juta tambahan. Bidang pendidikan dari kewangan, jadi kita berikan jumlah yang agak jauh lebih besar.

22. Ada program-program yang dulunya khusus untuk bumiputera, TEKUN. Sekarang sudah mencecah RM50 juta Ringgit untuk masyarakat India. Amanah Ikhtiar dulu khusus bumiputera, sekarang

dimasukkan. Untuk TVET, 1500 dimasukkan ke dalam program TVET. Untuk latihan di negara China TVET yang specialised, TVET training yang dikendali oleh syarikat-syarikat China, itu 150 anak-anak India diambil.

23. Ini saya jelaskan supaya jangan guna ini soal pergaduhan, pemilihan kaum ya, sebab pendekatan kita, sedaya upaya kita harus terus. Kalau orang tanya saya, mengapa saya berikan tumpuan dalam jawapan sekali dan India, kerana saya kata walaupun jumlah mereka kecil kita tak mahu ikut sesetengah negara, sesetengah negara kalau tengok golongan minoriti tu terus terpelanting.
24. Muslim minoriti di banyak negara itu langsung tak dipedulikan, cari satu hakim satu pegawai tinggi, satu pegawai tentera tidak ada, kalau Muslim minority, tapi kita tidak mahu mengalah, dan program begitu itu pun ada kritik di Parlimen.
25. Beberapa ahli Parlimen pembangkang pernah bangkitkan bagaimana satu agensi ataupun badan penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia, bahagian jenayah itu 90% Melayu, ketuanya India. Bagi saya bukan masalah, siapa yang rasa ada peranan, mampu kendali dengan baik, kita tonjolkan. Ketua Polis Negara masih Melayu, timbalan masih Melayu, pengarah-pengarah lain Melayu bagi saya bukan jadi masalah. Tapi ada yang mengatakan bahawa kuasa Melayu kian terhakis semua kita serah kepada Cina. Ini dialog yang akan berterusan dalam negara pelbagai kaum dan pelbagai agama. Tetapi saya mohon pengertian terutama saudara-saudara tahu

bahawa kalau nak selamatkan negara ini, kita kena jamin tentunya keadilan negeri yang majoriti, keadilan bagi minoriti.

26. Kita tidak mahu 'tyranny of the majority', kita juga tidak mahu 'tyranny of the minority', jadi pendekatan kita harus lebih adil. Apa kelemahan kita baiki, dalam belanjawan kita sekarang, kita dengar semua pandangan-pandangan, dalam belanjawan kita akan ubah suai dan perbaiki. Tidak semestinya apa yang kita lakukan itu semua sudah sempurna, ada kelemahan-kelemahan, sebab itulah dialog-dialog itu harus diteruskan.

27. Jadi, terima kasih, sabar mendengar kuliah pagi ini.

Wssalamualaikum warahmatullahi wabarkatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office portal

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/08/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perjumpaan-warga-kementerian-kewangan-agensi-bersama-yab-dato-seri-anwar-ibrahim-perdana-menteri-dan-menteri-kewangan-2/>